



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » UPM sertai Program Menanam Pokok Buluh sempena sambutan World Bamboo Day Malaysia

Senarai Berita (/berita)

UPM sertai Program Menanam Pokok Buluh sempena sambutan World Bamboo Day Malaysia



SERDANG – Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Program Penanaman Pokok Buluh sempena Sambutan World Bamboo Day Malaysia 2021 anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) baru-baru ini.

Program diketuai oleh Pengarah INTROP, Prof. Ts. Dr. Khalina Abdan dan dijalankan serentak di seluruh negara secara maya. Ia adalah sebagai tanda sokongan kukuh terhadap pembangunan industri buluh negara serta simbolik kepada sambutan Hari Malaysia ke-58.

INTROP, UPM, selaku HiCoE (Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi) dalam bidang kayu dan gentian tropika dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Pahang adalah dua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan yang menyertai program itu.

Buluh yang ditanam oleh INTROP dalam program itu adalah buluh madu (*Gigantochloa albociliata*) iaitu buluh yang biasa ditanam oleh orang kampung untuk penuaan rebungnya yang sedap.

Potensi buluh madu dalam bidang pemrosesan panel buluh berlaminasi telah menarik perhatian pengusaha ladang dan pengusaha produk buluh berlamina kebelakangan ini.

Tidak seperti buluh biasa yang berlubang di tengah, buluh madu mempunyai bahagian tengah yang tumpat. Dalam penghasilan panel buluh berlaminasi, buluh madu mempunyai kelebihan kerana ia boleh menghasilkan jalur buluh yang tebal (>20 mm) berbanding dengan buluh biasa (~10 mm).

Untuk dijadikan panel buluh berlaminasi, jalur buluh yang nipis perlu melalui proses tambahan di mana jalur-jalur itu perlu dilekat untuk menjadikan jalur tebal yang sesuai untuk pembuatan panel buluh berlaminasi. Jalur buluh madu yang tebal tidak perlu melalui proses tambahan ini dan dapat meningkatkan kecekapan pembuatan panel buluh berlaminasi.

Setiap peserta menanam secara serentak di rumah/kediaman/pejabat masing-masing pada hari itu mengikut SOP Pelan Pemulihan Negara di setiap negeri masing-masing.

Program berkenaan mendapat sambutan meriah daripada peserta dari seluruh negara antaranya Tanah Merah, Kelantan; Gunung Lang, Perak; UITM Pahang, Jengka, Pahang; Bandar Puteri Bangi, Selangor; Kampung Melayu Seri Kundang, Rawang, Selangor; Royal Bamboo Garden, Kampung Lada, Jerantut, Pahang; Masjid An-Nur, Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah; Kuala Kepok, Kelantan; Kuala Berang, Terengganu; Kampung Rantau Panjang, Klang, Selangor; Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor; Kampung Bukit Bidang, Pasir Puteh, Kelantan; Kampung Goshen, Kota Marudu, Sabah; Kuala Nerus, Terengganu dan Kampung Tarom, Johor Baharu, Johor. - UPM

Tarikh Input: 28/10/2021 | Kemaskini: 28/10/2021 | hairul_nizam


PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_sertai_program_menanam_pokok_buluh_sempena_sambutan_world_bamboo_day_malaysia-63901&title=UPM%20Sertai%20Program%20Menanam%20Pokok%20Buluh%20Sempena%20Sambutan%20World%20Bamboo%20Day%20Malaysia%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

LIHAT JUGA



Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia (/berita/tiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093)



INTROP UPM anjur webinar mengenai COVID-19, pembungkusan makanan (/berita/introp_upm_anjur_webinar_mengenai_covid_19_pembungkusan_makanan-64089)



IWGM 2021 bincang meneruskan usaha kelestarian (/berita/iwgm_2021_bincang_meneruskan_usaha_kelestarian-64085)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 +603-9769 1000
 pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KEEMASAN
 BAGHIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
 03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Pemohonan ke Luar Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/spin/>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
 Jawatan Kosong (<http://sjg.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonic.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Penukutan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login>)
 i-GIMS (stat) (<http://www.sps.upm.edu.my/8080/sgsims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar पासवर्ड/सावधि) (<http://sgsportal.upm.edu.my/8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (smpjg/prosiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smpjg/action/security/login.smpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) (<http://www.ptpn.gov.my/>)
 Multimedia Super Corridor (<https://msc-malaysia.com/>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)
 Agensi Kelayakan Malaysia (<https://www.mca.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
 Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/kandungan/piagam_pelanggan-8202)
 Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)
 Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29899)
 Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_201.2021.pdf)
 UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)

